

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: CAS - Pusat Pengajian Pendidikan dan Bahasa Moden
Sent: Wednesday, May 23, 2018 11:00 AM
To: UUM - All Staff
Cc: Prof. Madya Dr. Yahya Bin Don; Prof. Madya Dr. Mohd Zailani bin Mohd. Yusoff; Prof. Madya Dr. Mohd. Isha bin Awang; Zairi Afandi bin Ishak
Subject: MAJLIS ANUGERAH DEKAN DAN SAMBUTAN HARI GURU 2018 PUSAT PENGAJIAN PENDIDIKAN DAN BAHASA MODEN, UNIVERSITI UTARA MALAYSIA



**Pusat Pengajian Pendidikan
dan Bahasa Moden**
SCHOOL OF EDUCATION AND MODERN LANGUAGES
Universiti Utara Malaysia



23 MEI 2018 / 7 RAMADHAN 1439H

=====
"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

MAJLIS ANUGERAH DEKAN DAN SAMBUTAN HARI GURU 2018 PUSAT PENGAJIAN PENDIDIKAN DAN BAHASA MODEN, UNIVERSITI UTARA MALAYSIA



SEML ONLINE: Pusat Pengajian Pendidikan dan Bahasa Moden telah mengadakan Majlis Anugerah Dekan dan Sambutan Hari Guru tahun 2018 bagi meraikan mahasiswa/i yang cemerlang dalam bidang akademik. Pelajar-pelajar yang menerima Anugerah Dekan SEML telah diraikan penuh meriah dan gemilang. Majlis Anugerah Dekan Pusat Pengajian Pendidikan dan Bahasa Moden bagi Semester Pertama Sesi 2017/2018 (A171) ini disempurnakan di Dewan SAC oleh Yang Berusaha Dekan SEML Prof. Madya Mejar Dr. Yahya Don. Seramai 120 orang daripada 134 orang jumlah keseluruhan pelajar Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (ISMP) adalah penerima anugerah Dekan hadir dalam majlis ini. Pelajar-pelajar ini terdiri daripada

pelajar-pelajar cemerlang daripada lima program iaitu Ijazah Sarjana Muda Pendidikan dengan Kepujian (Perakaunan), Ijazah Sarjana Muda Pendidikan dengan Kepujian (Pengurusan Perniagaan), Ijazah Sarjana Muda Pendidikan dengan Kepujian (Teknologi Maklumat), Ijazah Sarjana Muda Pendidikan dengan Kepujian (Pendidikan Moral) dan Ijazah Sarjana Muda Pendidikan dengan Kepujian (Bimbingan dan Kaunseling) .

Dekan SEML, dalam ucapannya telah menekankan agar mahasiswa/i yang cemerlang ini dapat terus mengekalkan prestasi cemerlang dan sentiasa berusaha untuk menjadi yang terbaik. Di samping itu, beliau juga menyarankan agar mahasiswa/i dapat melibatkan diri dan aktif dalam aspek ko kurikulum dan aktiviti-aktiviti di dalam Persatuan Pengurusan Pendidikan (PENDIDIK). Beliau juga menyeru agar semua pelajar mendukung visi & misi SEML serta universiti untuk mengembangkan ilmu pendidikan bukan sekadar di peringkat nasional malah ke peringkat global.


Disamping itu, Dekan SEML juga menyampaikan Anugerah Cendekia HAMKA kepada Pelajar Terbaik bagi setiap Program iaitu Tio Eng Kwue (231978)(Ijazah Sarjana Muda Pendidikan dengan Kepujian – Pendidikan Moral), Nur Syahirah Diyana binti Adnan (233883)(Ijazah Sarjana Muda Pendidikan dengan Kepujian – Bimbingan dan Kaunseling), Muhammad Muammar bin Nurhady (232070)(Ijazah Sarjana Muda Pendidikan dengan Kepujian – Pengurusan Perniagaan), Siti Aisyah binti Fauzi (233270)(Ijazah Sarjana Muda Pendidikan dengan Kepujian – Perakaunan) dan Tee Hui Ping (232176)(Ijazah Sarjana Muda Pendidikan dengan Kepujian – Teknologi Maklumat).

Dalam Majlis Anugerah ini juga, Dekan SEML menyampaikan sijil penghargaan program mobiliti berkredit kepada pelajar Universitas Muhamadiyah Prof. Dr. HAMKA (UHAMKA) bagi Semester Kedua (A172) sesi 2017/2018. Pelajar berkenaan adalah Muti Rahayu Asri (701485), Siti Rizqiyah Manzilah (701486), Zakiy Muhtadi (701487), Zarra Humayroh (701488), Emir Aziz Maulana (701489), Arif Harmantho (701491) dan Muhammad Fariz Aswad (701508).

Majlis diakhiri dengan sesi bergambar bersama Dekan, Timbalan Dekan, ketua jabatan, penyelaras, pensyarah-pensyarah dan semua penerima Anugerah Dekan SEML yang diraikan.

Habis

School of Education and Modern Languages
College of Arts and Sciences
Universiti Utara Malaysia
Sintok 06010 | Kedah | Malaysia
Tel: +604 9285381/5388/5392/5393/5394/5395
Fax: +604-9285382 | Email: seml@uum.edu.my



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.